

**'Ada aduan jual nama Anwar, Azizah'
Malaysiakini.com
September 2, 2010**

Pemantau perjalanan pemilihan PKR Mydemocracy Watch kini menerima aduan berhubung dakwaan terdapat cubaan menjual nama Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isterinya Datuk Seri Wan Azizah Ismail oleh bakal calon.

"Kita terima aduan terdapat pihak yang menggunakan perkataan bahawa beliau direstui Anwar dan Wan Azizah. Kita tidak mahu perkara ini berlaku," kata penyelaras badan sukarela itu Yusmadi Yusoff.

Yusmadi yang juga ahli parlimen Balik Pulau berkata, aduan itu antara tiga lagi aduan yang diterimanya bagi mempengaruhi keputusan pemilihan PKR di pelbagai peringkat pada November ini.

"Tetapi kita dapat tahu, Anwar sendiri tidak pernah secara rasmi menunjukkan beliau menaja atau merestui sesiapa," katanya kepada Malaysiakini.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/141752>